

Headline	Tanggungjawab menjaga nilai murni profesion perguruan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	10	ArticleSize	332 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 4,366	PR Value	RM 13,098



# Tanggungjawab menjaga nilai murni profesion perguruan

Oleh **RAM AL JAFFRI SAAD**

HARI Guru yang disambut setiap 16 Mei ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh guru, malah pelajar dan ibubapa. Anak-anak penulis sendiri sudah mengingatkan penulis agar membeli hadiah untuk diberikan kepada guru mereka.

Sungguh besar jasa guru dalam mendidik anak bangsa. Sebagai ahli akademik, penulis juga seorang guru. Semua pensyarah sama ada di institusi pengajian tinggi awam atau swasta juga guru.

Dalam dunia penuh mencabar hari ini, guru berdepan dengan pelbagai cubaan dan rintangan.

Terdapat komen sinis masyarakat yang mendakwa guru sekarang tidak seperti guru dulu-dulu. Benarkah guru dahulu lebih dihormati berbanding sekarang? Jika benar di mana salahnya?

Baru-baru ini heboh di laman-laman sosial mengenai satu laporan polis yang dibuat oleh seorang pelajar terhadap seorang ahli akademik atas tingkah laku tidak sopan. Malah, *Utusan Malaysia* dalam laporan pada 4 Januari lepas mendedahkan seorang bekas pensyarah sebuah institusi pengajian

tinggi swasta (IPT) dihukum penjara sehari dan denda RM25,000 oleh mahkamah kerana bersalah menerima sogokan daripada dua pelajar sebagai dorongan menambah markah peperiksaan.

Kedua-dua laporan ini agak mengejutkan dan telah membawa satu persepsi negatif terhadap ahli akademik di negara kita.

Namun, sebagai seorang yang rasional, setiap berita perlu diselidiki kesahihan sumber dan laporannya terlebih dahulu. Adalah tidak adil untuk kita terus menghukum tanpa membuat penilaian secara terperinci dan sedalam-dalamnya. Mungkin ia benar dan mungkin juga sebaliknya.

Bagi penulis, kedua-dua berita yang dilaporkan ini harus dijadikan iktibar kepada diri penulis sendiri dan semua ahli akademik di seluruh negara yang kini dianggar lebih 30,000 orang.

Kenapa? Hal ini kerana martabat seseorang pensyarah adalah tinggi di sisi agama dan masyarakat. Dalam Islam, kedudukan seorang guru cukup tinggi. Allah berfirman: *"Supaya Allah Taala meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dalam kalangan kamu) beberapa darjat."*

(Surah Al-Mujaadalah: Ayat 11).

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah dan malaikat, penghuni langit serta bumi sehinggakan semut yang berada di dalam lubangnya dan ikan-ikan (di lautan) berselawat ke atas guru*

*yang mengajar kebaikan kepada manusia."* (Hadis Riwayat Tirmizi).

Sebagai seorang guru, ahli akademik perlu sentiasa menghargai kejayaan pelajarannya, sanggup berkorban dan melakukan yang terbaik untuk manfaat individu dan masyarakat. Ahli akademik wajar menjadi model untuk dicontohi oleh para pelajar. Sebagai seorang model, sudah pasti ahli akademik perlu melengkapkan diri dengan nilai-nilai yang baik.

Ahli akademik yang baik harus mempunyai moral yang baik seperti mempunyai integriti tinggi, sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni, jujur, amanah, setia, sabar, bertanggungjawab, konsisten, berwibawa dan sebagainya.

Justeru, pensyarah yang baik ialah yang dilengkapi oleh sifat-sifat yang disebutkan di atas.

Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa pensyarah juga seorang manusia yang mempunyai nafsu dan sebagainya.

Sebagai manusia, kita tidak terlepas untuk mempunyai kepentingan sendiri. Nati-jahnya, apabila kepentingan diri diletakkan mengatasi nilai-nilai murni, maka berlakulah perkara-perkara yang kurang enak.

Maka terbentuklah persepsi masyarakat terhadap pensyarah selepas kejadian seperti ini. Masyarakat akan memandang serong dan beranggapan bahawa semua pensyarah tidak boleh dipercayai lagi. Inilah yang ditakuti penulis.

Memang tidak adil jika masyarakat membuat penilaian negatif kepada pensyarah atau guru secara keseluruhan hanya berdasarkan satu dua kes. Namun inilah hakikat dunia yang penuh persepsi.

Masyarakat juga sering membandingkan kualiti pensyarah pada masa sekarang dengan zaman dahulu. Jika dahulu guru dihormati sebagai mudarris, mu'allim, mursyid dan murabbi, namun sekarang mungkin tidak lagi.

Namun bagi penulis, tugas dan tanggungjawab guru (pensyarah) dahulu dan sekarang ada yang sama dan ada yang telah berubah.

Tidak perlulah kita kembali kepada masa lalu untuk menjadi guru yang berkaliber.

Apa yang penting adalah niat dan tindakan kita. Ini jugalah ingatan penulis kepada diri sendiri.

Penulis bertuah kerana di Universiti Utara Malaysia (UUM), pensyarah-pensyarah dilatih mengamalkan nilai-nilai murni profesion. Latihan berterusan diberikan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (UTLC) UUM, secara langsung membantu meningkatkan nilai dan rasa kebertanggungjawa-

Headline	Tanggungjawab menjaga nilai murni profesion perguruan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	10	ArticleSize	332 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 4,366	PR Value	RM 13,098

ban setiap pensyarah kepada agama, bangsa dan negara.

Justeru, sempena Hari Guru 2014, penulis menyeru kepada diri sendiri dan seterusnya rakan-rakan akademik agar sentiasa serius melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Insya-Allah, dengan tekad, niat dan keikhlasan dalam setiap perbuatan yang dilakukan, setiap ahli akademik tidak akan sekali-kali terlibat atau dikaitkan dengan isu tingkahlaku yang tidak baik. Jika ini dilakukan, profesion ini akan terus dihormati kawan, lawan dan masyarakat.

**PENULIS** ialah Pensyarah Kanan Perakaunan Islam, Pusat Pengajian Perakaunan (SOA), Universiti Utara Malaysia.